

Pencatatan Kearifan Tempatan oleh Sejarawan Menggunakan Pantun

Muhammad Al-Ameen Mustafa Kamal
The EAGLE Center Sdn. Bhd. (tEC)
Emel: ameen.muska@theeagle.center

ABSTRAK

Sejarawan berperanan untuk mencatat kearifan tempatan berdasarkan penemuan dan pengamatan mereka kepada orang ramai. Justeru, terbit keperluan untuk merakam penemuan sejarawan dalam bentuk yang mudah dihayati masyarakat. Tujuan kajian perpustakaan ini adalah untuk mencerakin bagaimanakah sejarawan dapat mencatat kearifan tempatan menggunakan pantun. Kajian ini menjalankan sintesis kajian kepustakaan sistematik berdasarkan dapatan mengenai sejarawan, pantun, dan kearifan tempatan. Kajian ini menemukan (1) Sejarawan amnya ada dua sumber sejarah, lima peranan, lima perkara kajian, empat kegiatan dalam masyarakat, dan membawa tiga kesan kepada masyarakat. (2) Tiga ciri pantun, tiga pencirian bentuk pantun, tiga fungsi pantun, tiga cara penulisan pantun, dan lima isi pantun. (3) Lima jenis kearifan tempatan dan empat aspek untuk diteliti dalam kearifan tempatan. Kajian ini mengusulkan cadangan teoretikal “Pantun Kearifan Tempatan Tafsiran Sejarah” yang berdaya membolehkan sejarawan berpantun untuk merakam dan berkongsi penemuan sejarah dalam bentuk mudah dihayati masyarakat. Kajian selanjutnya disyorkan untuk mengabsahkan usulan tersebut dan menyadurnya menjadi tatatulis pantun kearifan tempatan oleh sejarawan Malaysia.

Kata Kunci : Pantun, sejarah, sejarawan, kearifan tempatan

1. Pengenalan

Sejarawan berperanan untuk mencatat kearifan tempatan berdasarkan penemuan dan pengamatan mereka kepada orang ramai. Justeru, terbit keperluan untuk merakam penemuan sejarawan dalam bentuk yang mudah dihayati masyarakat. Meskipun ada usaha mengkaji sejarah seperti Hakim et al. (2020), Alhuzaini et al., (2023), Dhita (2023), dan Mulyanto (2023) serta pengajaran sejarah seperti Nurdiansyah (2021); masih wujud jurang kajian pada penggunaan pantun oleh sejarawan mencatat kearifan tempatan. Justeru kajian ini bertujuan untuk mencerakin peranan sejarawan dalam menggunakan pantun untuk mencatat kearifan tempatan. Kajian ini ingin mendokumentasi trend dan mengenal pasti apakah perincian pantun yang boleh memenuhi peranan sejarawan untuk mencatat kearifan tempatan. Mengikut pendekatan Ibrahim (2011 & 2022), Konstruk Soalan Kajian yang ditentukan dalam kajian ini ialah “Sejarawan” (SIAPA), “Pantun” (APA), dan “Mencatat Kearifan Tempatan” (BAGAIMANA). Lihat bab 2 untuk penerangan lanjut kaedah kajian. Seusai pengenalan dan kaedah kajian, kajian ini akan membentangkan sorotan kajian mengikut konstruk soalan kajian dipilih tadi, kemudian membincangkan sintesis dapatan.

2. Metodologi kajian

Sorotan kajian ini menggunakan kaedah “Proses Sintesis Sorotan Kajian” (Ibrahim and Mustafa Kamal, 2018) seperti dalam Masiran, et al. (2020). Proses ini ialah tipologi sorotan kajian tunggal (Rousseau, Manning, dan Denyer, 2008; Yu dan Watson, 2019; Templier and Paré, 2015) yang dikenali untuk memahami kajian-kajian lepas dalam bidang terpilih yang akan memandu penyelidik menggagas keputusan berkaitan latar belakang konteks teoretikal semasa peringkat idea projek penyelidikan.

Tajuk-tajuk dikenal pasti melalui kaedah pengisihan konstruk soalan kajian Ibrahim (2011 & 2020) bagi menetapkan tiga Konstruk Soalan Kajian— “SIAPA”, “APA”, dan “BAGAIMANA”—dalam merumus soalan kajian utama (Sila rujuk Bab 1 untuk perincian lanjut). “SIAPA” ialah unsur yang

terkesan oleh kajian, “APA” ialah maklumat atau bidang ilmu diperlukan untuk menyelesaikan masalah kajian, dan “BAGAIMANA” ialah dampak disasarkan oleh kajian.

Kajian ini menggunakan rencana-rencana berkaitan kata kunci terpilih melalui enjin gelintar Google Scholar dalam tempoh 2020 – 2024 dan isihan ikut kaitan (*Sort by relevance*) dengan masukan berikut (1) [sejarawan]; (2) [pantun]; serta (3) [kearifan tempatan]; Yang mana sejumlah 5, 5, dan 5 kajian dipilih mengikut tafsiran kesesuaian oleh penyelidik. Abstrak kertas kajian penuh diulas mengikut penemuan utama oleh penyelidik lepas, bagaimana kajian mereka mampu memajukan penyelidikan, dan apakah aspek yang boleh ditambah baik. Subtema lebih kecil, sekiranya ada, diisihkan mengikut kepentingannya memandangkan kajian ini menemukan tema-tema penting yang baharu memuncul.

Dapatan sorotan kajian ini menghasilkan sintesis bagi setiap konstruk soalan kajian (APA, SIAPA, dan BAGAIMANA); yang seterusnya dianalisis silang, disatukan, dan disintesis yang menjurus kepada sebuah penyelesaian berdaya tinggi untuk memenuhi keperluan merakam penemuan sejarawan dalam bentuk yang mudah dihayati masyarakat. Hasil rumusan sintesis utama dibentangkan dalam sebuah “Rajah Pepohon Titik Tolak (TT)” yang disadur daripada Ibrahim dan Mustafa Kamal (2018). Kajian ini menggunakan Sistem EAGLE dalam talian untuk mendokumentasi proses sintesis sorotan kajian dan mengolah dapatan-dapatan untuk tujuan pelaporan.

3. Sorotan Kajian

Bahagian ini membentangkan hasil sorotan kajian terpilih mengenai sejarawan, pantun, dan mencatat kearifan setempat. Kemudian, bahagian ini akan merbincangkan sintesis berdasarkan dapatan kajian.

3.1 Sejarawan

Dalam kajian oleh Hakim et al. (2020), pemikiran Hamka sebagai seorang ahli sejarah Islam dicerakin dengan mendalam, dan didapati ada beberapa faktor yang menjadi dasar minat Hamka terhadap sejarah, antaranya: (1) Hamka berasal dari keluarga yang mengamalkan ajaran Islam, (2) Hamka merasakan adanya ancaman kepada Islam dalam bidang kebudayaan, dan (3) Penulisan sejarah Islam di Indonesia banyak dikuasai penulis asing, yang sering mengandungi kekeliruan dan kesalahan data yang bercanggah dengan fakta sedia ada, akibat kepentingan kolonial dan mubaligh Kristian. Nurdiansyah (2021) pula melaksanakan kajian mengenai penggunaan sejarah tempatan kerajaan Siak sebagai sumber pembelajaran dalam usaha meningkatkan kesedaran sejarah dalam kalangan murid kelas XI IPS II SMAN 2 Pekanbaru, Indonesia. Hasil kajian Nurdiansyah (2021) menunjukkan bahawa pemahaman murid terhadap penggunaan sejarah tempatan kerajaan Siak semakin meningkat, serta meningkatkan semangat murid untuk mempelajari sejarah, memperkukuhkan keterampilan murid dalam mencari maklumat (menggali sumber) dan menanam rasa menghargai sejarah.

Seterusnya, kajian Alhuzaini et al., (2023) telah meneliti struktur dan kandungan karya Al-Azraqi, Akhbar Makkah, sebagai salah satu teks sejarah awal dalam historiografi Islam. Menurut penemuan mereka, Al-Azraqi dalam Akhbar Makkah merangkumi pelbagai aspek seperti biografi, murid-muridnya, kematiannya, hasil penulisannya, serta penerangan tentang kota Mekah dan Ka’bah yang berfungsi sebagai pusat bandar tersebut. Tambahan lagi, Dhita (2023) menelusuri perkembangan sejarah awam kreatif di Palembang antara tahun 2017-2022. Dhita (2023) mendapati bahawa komuniti sejarah di Palembang, seperti SCB Palembang, Mang Dayat, dan PGG, memainkan peranan penting dalam memajukan sejarah awam di kawasan tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan oleh komuniti-komuniti ini termasuk melawat muzium, melawat tapak-tapak sejarah, menjalankan perbincangan berkaitan sejarah, melakukan lawatan berjalan kaki, serta terlibat secara aktif dalam isu-isu sejarah yang membabitkan Palembang. Akhir sekali, Mulyanto (2023) menjalankan sebuah

kajian kritis terhadap penggunaan manuskrip kuno dan arkib dalam konteks historiografi di Indonesia, dan menemui bahawa para sejarawan menghadapi cabaran ketika menggunakan manuskrip tempatan berbanding dengan arkib kolonial. Ini kerana arkib kolonial memberikan sumber bukti sejarah yang lebih langsung dan menyeluruh. Sebaliknya, manuskrip kuno sering kali mengandungi unsur-unsur rekaan yang perlu dipisahkan dengan teliti daripada fakta-fakta sejarah sebenar.

Namun, kajian-kajian lepas seperti Hakim et al. (2020) hanya terbatas pada tokoh Hamka; Nurdiansyah (2021) pada murid kelas XI IPS II SMAN 2 Pekanbaru, Indonesia; Alhuzaini et al. (2023) hanya tertumpu pada Al-Azraqi dan karyanya, “Akhbar Makkah”; Dhita (2023) pula pada peranan komuniti sejarah dalam perkembangan sejarah awam di Palembang semenjak tahun 2017; dan Mulyanto (2023) hanya tertumpu pada manuskrip kuno dan arkib dalam historiografi Indonesia. Berpandukan kajian-kajian lepas, kajian ini menyimpulkan bahawa sumber-sumber sejarah utama bagi sejarawan termasuk manuskrip tempatan (Mulyanto, 2023) dan arkib kolonial (Mulyanto, 2023; Hakim et al., 2020). Manakala peranan sejarawan antaranya ialah mengesahkan fakta dalam manuskrip tempatan (Mulyanto, 2023), menilai fakta tempatan yang diperoleh daripada sumber luar (Hakim et al., 2020), mengembangkan sejarah awam, serta melibatkan diri dalam isu-isu sejarah (Dhita, 2023), di samping menggunakan sejarah tempatan (Nurdiansyah, 2021). Antara fokus kajian sejarawan adalah termasuk biografi tokoh-tokoh (Alhuzaini et al., 2023; Hakim et al., 2020), yang meliputi aspek murid, kematian, dan karya tokoh tersebut, serta sejarah bandar (Alhuzaini et al., 2023). Selain itu, sejarawan juga boleh menganjurkan pelbagai kegiatan dalam masyarakat seperti lawatan ke muzium, tapak sejarah, lawatan berjalan, dan perbincangan sejarah (Dhita, 2023). Kegiatan-kegiatan sebegini ini dijangka mampu meningkatkan semangat belajar sejarah, keterampilan dalam memahami sumber, serta meningkatkan penghargaan terhadap sejarah (Nurdiansyah, 2021) dalam kalangan masyarakat. Rumusan sumber sejarah, peranan sejarawan, perkara kajian, kegiatan dalam masyarakat, dan kesan kepada masyarakat dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Sumber sejarah, peranan, perkara kajian, kegiatan dalam masyarakat, dan kesan kepada masyarakat untuk seorang sejarawan.

Sejarawan	Perincian	Rujukan
Sumber Sejarah	Manuskrip tempatan	Mulyanto, 2023
	Arkib kolonial	Mulyanto, 2023; Hakim et al., 2020
Peranan	Mengesahkan fakta dalam manuskrip tempatan	Mulyanto, 2023
	Menilai fakta tempatan yang diperoleh daripada sumber luar	Hakim et al., 2020
	Membangunkan sejarah awam	Dhita, 2023
	Melibatkan diri dalam isu sejarah	
	Menggunakan sejarah tempatan	Nurdiansyah, 2021
Fokus Kajian	Biografi tokoh	Alhuzaini et al., 2023; Hakim et al., 2020
	Murid tokoh	
	Kematian tokoh	Alhuzaini et al., 2023
	Tulisan tokoh	
	Sejarah kota	
Kegiatan dalam Masyarakat	Lawatan muzium	Dhita, 2023
	Lawatan tapak sejarah	
	Lawatan berjalan	
	Perbincangan sejarah	
Kesan Kepada Masyarakat	Meningkatkan semangat belajar sejarah	Nurdiansyah, 2021
	Meningkatkan keterampilan mencari maklumat	
	Meningkatkan penghargaan sejarah	

Maka, kajian ini berpandangan bahawa sejarawan ialah “pewasit sejarah berdasarkan sumber-sumber sejarah berkenaan biografi tokoh dan sejarah kota, yang membangunkan sejarah awam melalui penganjuran kegiatan kemasyarakatan untuk meningkatkan rasa suka sejarah dalam masyarakat”.

3.2 Pantun

Warni et al. (2022) mengkaji struktur dan makna dalam pantun Melayu yang ditulis menggunakan Teks Jawi (Aksara Arab Melayu). Penyelidikan oleh Warni et al. (2020) mendapati setiap bait pantun Melayu terdiri daripada empat baris yang mengandungi antara tiga hingga lima perkataan, dengan suku kata dalam lingkungan lapan hingga sebelas bagi setiap baris. Rima yang digunakan ialah a-b-a-b, dengan tiga jenis rima yang dikenal pasti: rima sempurna, rima tak sempurna, dan rima akhir ganda yang sempurna. Makna yang terkandung dalam pantun ini merangkumi hiburan serta nasihat atau ajaran yang mengandungi pesanan moral seperti kebajikan. Wardana (2021) pula meneliti peranan pantun sebagai media pendidikan akhlak dalam pembelajaran Bahasa Indonesia. Kajian ini mendapati bahawa pembelajaran pantun dapat menanamkan nilai-nilai akhlak kepada murid, seperti nilai demokratik, agama, tanggungjawab, kejujuran, berdikari, dan kreativiti. Seterusnya, Arofat dan Indrastuti (2022) mengkaji komposisi, transmisi, dan fungsi pantun serta mantera dalam upacara menumbai di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau. Hasil kajian mereka mendedahkan bahawa pantun dan mantera dalam upacara menumbai (menuai madu lebah) mempunyai fungsi agama, sosial, dan ekologi. Pantun juga berfungsi untuk menjalinkan semangat tolong-menolong dalam masyarakat, manakala mantera melibatkan alam semesta dan Tuhan adalah untuk mencukupkan rezeki masyarakat yang bergantung kepada alam.

Isnendes (2023) meneliti artifak mesin tenun Sunda dengan hipogram pada sosok Nyai Pohaci dalam carita pantun Lutung Kasarung. Hasil kajian Isnendes (2023) menunjukkan bahawa artifak bahasa dan visual mesin tenun terbahagi kepada tiga peringkat: (a) memintal kapas kepada benang, (b) menyediakan benang untuk tenunan, dan (c) menenun benang menjadi kain. Kajian Bartosh et al. (2023) pula meneliti unsur tradisi dan kemodenan dalam cerita rakyat melalui pantun. Mereka mendapati bahawa ciri-ciri utama pantun, seperti logik, ringkas, dan berima, mempunyai pengaruh besar dalam cara penyampaian isi pantun seperti perlambangan, makna tersirat, tema, dan ciri fonetik. Namun, Warni et al. (2022) hanya tertumpu pada perincian hasil analisis struktur dan makna pantun Melayu dalam teks Jawi. Sebaliknya, kajian oleh Wardana (2021) berpusat pada penanaman akhlak murid di Madrasah Ibtidaiyah. Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Arofat dan Indrastuti (2022) memberikan tumpuan khusus pada pantun dan mantera upacara menumbai di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau. Bagi kajian Isnendes (2023) pula, tumpuan mereka adalah pada artifak bahan yang berkaitan dengan barangan Sunda yang disebut dalam pantun Lutung Kasarung. Manakala kajian Bartosh et al. (2023) menumpukan pada ciri-ciri pantun Melayu serta kewajaran cerita rakyat jenis pantun dalam budaya Melayu.

Maka berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini merumuskan bahawa ciri sesebuah pantun perlulah logik, ringkas, (Bartosh et al., 2023) dengan bentuk 3 – 5 perkataan dan 8 – 11 suku kata sebaris, dengan tiap hujungnya berima a-b-a-b (sempurna, tak sempurna, atau rima berganda sempurna) (Warnia et al., 2022). Pantun berdaya membawa fungsi agama, sosial, dan ekologi (Arofat & Indrastuti, 2022) dengan menggunakan cara penulisan perlambangan, tersirat, dan bertema (Bartosh et al., 2023) untuk menyampaikan hiburan, nasihat, pesanan kebajikan (Warni et al., 2022), nilai akhlak (Wardana, 2021), dan mengajar cara membuat barangan (Isnendes, 2023). Senarai ciri pantun, bentuk pantun, fungsi pantun, cara penulisan pantun, dan isi pantun ada di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ciri pantun, bentuk pantun, fungsi pantun, cara penulisan pantun, dan isi pantun.

Pantun	Perincian	Rujukan
Ciri Pantun	Logik	Bartosh et al., 2023
	Ringkas	
	Berima	
Bentuk Pantun	3 - 5 perkataan sebaris	Warni et al., 2022
	8 - 11 suku kata sebaris	
	Berima a-b-a-b (sempurna, tak sempurna, rima berganda sempurna)	
Fungsi Pantun	Fungsi agama	Arofat & Indrastuti, 2022
	Fungsi sosial	
	Fungsi ekologi	
Cara Penulisan Pantun	Perlambangan	Bartosh et al., 2023
	Tersirat	
	Bertema	
Isi Pantun	Hiburan	Warni et al., 2022
	Nasihat	
	Pesanan kebajikan	Wardana, 2021
	Nilai akhlak (demokratik, agama, tanggungjawab, jujur, berdikari, dan kreatif)	
	Tatabuat barangan	

Maka kajian ini berpandangan bahawa pantun ialah “sejenis sastera yang logik, ringkas, dan berima serta ada bentuknya yang digunakan untuk fungsi agama, sosial, dan ekologi dengan gaya penulisan perlambangan, tersirat, dan bertema bagi menghibur, menasihati, serta mengajar tatabuat barangan”.

3.3 Mencatat Kearifan Tempatan

Esa et al. (2022) meneliti elemen kearifan tempatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan cerita rakyat etnik Rungus melalui kegiatan tayangan video, penceritaan, dan aktiviti pembelajaran adalah berkesan. Kurniawan dan Soeparno (2021) pula mengkaji kearifan tempatan dalam "Titen" (ilmu mengingat) masyarakat Jawa ketika berhadapan dengan bencana alam. Mereka mendapati bahawa masyarakat Jawa dahulu kala menggunakan titen untuk meramal kejadian bencana seperti letusan gunung berapi yang ditandai dengan pergerakan haiwan ke bawah gunung, tanah runtuh yang dikesan menggunakan tali, serta datangnya wabak yang ditandai dengan kemunculan komet kemintang lintang. Seterusnya, Tangil dan Amat (2020) melakukan kajian mengenai kearifan tempatan dalam sistem Bombon oleh masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. Kajian tersebut menyimpulkan bahawa sistem Bombon merupakan sebuah kaedah tradisional yang digunakan masyarakat Kadazandusun untuk memelihara ikan air tawar serta berfungsi sebagai agen penyatuan penduduk kampung. Kama et al. (2023) meneroka kearifan tempatan dalam evolusi nasi lemak di Tanah Melayu. Mereka mendapati kearifan tempatan memainkan peranan penting dalam evolusi Nasi Lemak yang merangkumi faktor-faktor sejarah, cara penyediaan, aspek budaya dan sosial serta pengaruh budaya dari negara-negara jiran.

Saari dan Som (2020) mengkaji pemeliharaan proses pembuatan seni anyaman tikar mengkuang sebagai warisan kearifan tempatan yang diancam kepupusan. Kajian mereka menunjukkan bahawa anyaman tikar mengkuang ini mempunyai sejarah yang panjang terutamanya dalam masyarakat tempatan, terutamanya masyarakat Melayu. Proses pembuatan tikar mengkuang bermula dengan pemilihan dan pemotongan daun mengkuang mentah, diikuti dengan proses merebus dan merendam. Setelah itu, bilah-bilah mengkuang dijemur, direndam dalam pewarna, dan dikeringkan semula sebelum dianyam menjadi tikar dengan pelbagai corak dan dikemaskan pada bahagian hujungnya. Namun, penyelidikan oleh Esa et al. (2022) hanya menumpukan pada unsur inovasi yang berasaskan

kearifan tempatan di Sekolah Kebangsaan Kanibongan. Sebaliknya, kajian oleh Kurniawan dan Soeparno (2021) tertumpu pada titen dalam kalangan masyarakat Jawa. Sementara itu, Tangil dan Amat (2020) cuma mengetengahkan sistem Bombon dalam komuniti Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. Selanjutnya, kajian oleh Kama et al. (2023) terbatas pada bagaimana faktor-faktor kearifan tempatan telah mempengaruhi evolusi nasi lemak di Tanah. Akhir sekali, kajian Saari dan Som (2020) terarah kepada sejarah dan asal-usul anyaman tikar mengkuang dalam masyarakat tempatan serta mengenal pasti kaedah dan proses penghasilannya.

Maka berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini merumuskan bahawa jenis kearifan tempatan termasuklah sejarah seni dan proses pembuatan barangan (Saari & Som, 2020), peramalan bencana (Kurniawan & Soeparno, 2021), kaedah pemuliharaan sumber (Tangil & Amat, 2020), cerita rakyat etnik (Esa et al., 2022), dan makanan tempatan (Kama et al., 2023). Antara aspek yang perlu diteliti pada setiap kearifan tempatan ialah sejarah, cara penyediaan, faktor budaya dan sosial, serta pengaruh budaya negara jiran (Kama et al., 2023). Senarai jenis kearifan tempatan dan aspek untuk diteliti ada dalam Jadual 3.

Jadual 3: Jenis kearifan tempatan dan aspek untuk diteliti

Mencatat Kearifan Tempatan	Perincian	Rujukan
Jenis Kearifan Setempat	Sejarah seni barangan	Saari & Som, 2020
	Proses pembuatan barangan	
	Ramalan bencana	Kurniawan & Soeparno, 2021
	Kaedah pemuliharaan sumber	Tangil & Amat, 2020
	Cerita rakyat etnik	Esa et al., 2022
	Makanan tempatan	Kama et al., 2023
Aspek untuk Diteliti	Sejarah	Kama et al., 2023
	Cara penyediaan	
	Faktor budaya dan sosial	
	Pengaruh budaya negara jiran	


Maka kajian ini berpandangan bahawa dalam mencatat kearifan tempatan, “sejarah seni barangan, proses pembuatan barangan, ramalan bencana, kaedah pemuliharaan sumber, cerita rakyat etnik, dan makanan tempatan yang diteliti melalui kaca mata sejarah, penyediaan, faktor budaya dan sosial, serta pengaruh budaya negara jiran”.

3.4 Perbincangan

Kajian ini menyemak silang dan mensintesis pandangan mengenai...

1. “Sejarawan”, iaitu pewasit sejarah berdasarkan sumber-sumber sejarah berkenaan biografi tokoh dan sejarah kota, yang membangunkan sejarah awam melalui penganjuran kegiatan kemasyarakatan untuk meningkatkan rasa suka sejarah dalam masyarakat;
2. “Pantun”, iaitu sejenis sastera yang logik, ringkas, dan berima serta ada bentuknya yang digunakan untuk fungsi agama, sosial, dan ekologi dengan gaya penulisan perlambangan, tersirat, dan bertema bagi menghibur, menasihati, serta mengajar tataubat barangan; dan
3. “Mencatat Kearifan Tempatan”, iaitu sejarah seni barangan, proses pembuatan barangan, ramalan bencana, kaedah pemuliharaan sumber, cerita rakyat etnik, dan makanan tempatan yang diteliti melalui kaca mata sejarah, penyediaan, faktor budaya dan sosial, serta pengaruh budaya negara jiran.

Untuk mengusulkan cadangan teoretikal “Pantun Kearifan Tempatan Tafsiran Sejarah”, iaitu pantun hiburan dan nasihat berasaskan sejarah dan kearifan tempatan berdaya membangunkan sejarah awam melalui tafsiran sejarah, budaya dan sosial, serta pengaruh budaya luar pada sumber-sumber sejarah terwasit lalu melalui penganjuran kegiatan kemasyarakatan, meningkatkan rasa suka sejarah dalam masyarakat. Usulan kerangka konsep “Pantun Kearifan Tempatan Tafsiran Sejarah” digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Usulan Kerangka Konsep “Pantun Kearifan Tempatan Tafsiran Sejarah” (disadur daripada Ibrahim & Mustafa Kamal, 2018)

4. Kesimpulan

Tujuan kajian ini adalah untuk mencerakin cara sejarawan boleh mencatat kearifan tempatan menggunakan pantun. Kajian ini mendokumentasi dapatan daripada proses sintesis sorotan kajian bersistem bawah tema besar sejarawan, pantun, dan mencatat kearifan tempatan. Dapatan kajian ini menyumbangkan usulan pengertian sejarawan, usulan penggunaan pantun, dan usulan cadangan teoretikal “Pantun Kearifan Tempatan Tafsiran Sejarah”, iaitu pantun hiburan dan nasihat berasaskan sejarah dan kearifan tempatan berdaya membangunkan sejarah awam melalui tafsiran sejarah, budaya dan sosial, serta pengaruh budaya luar pada sumber-sumber sejarah terwasit lalu melalui penganjuran kegiatan kemasyarakatan, meningkatkan rasa suka sejarah dalam masyarakat. Kajian selanjutnya disyorkan untuk mengabsahkan usulan tersebut dan menyadurnya menjadi tatatulis pantun kearifan tempatan oleh sejarawan Malaysia.

5. Rujukan

- Ibrahim, R. & Mustafa Kamal, R. (2018). *Templates for Thinking*. (Unpublished Literary. Copyright MYIPO LY2018002437).
- Ibrahim, R. (2008). *Setting up a research question for determining the research methodology*. ALAM CIPTA International Journal on Sustainable Tropical Design Research & Practice, 3(1), 99-102.
- Ibrahim, R. (2011). *Demystifying the arduous doctoral journey: The eagle vision of a research proposal*. Electronic Journal of Business Research Methods, 9(2), pp130-140.

- Hakim, L., Meria, A., Sandora, L., Aisyah, S., & Yulniza. (2020). *Dari Minangkabau Untuk Dunia Islam: Melacak Pemikiran Hamka sebagai Sejarahwan Islam*. Majalah Ilmiah Tabuah: Ta'limat, Budaya, Agama Dan Humaniora, 24(1), 25–38. <https://doi.org/10.37108/tabuah.v24i1.270>
- Nurdiansyah, N. (2021). *Pemanfaatan sejarah lokal kerajaan siak sebagai sumber belajar untuk mengembangkan kesadaran sejarah siswa*. Jurnal Studi Guru Dan Pembelajaran, 4(2), 518-526. <https://doi.org/10.30605/jsgp.4.2.2021.1341>.
- Alhuzaini, M. ., Darmawan, B., Faras Puji Azizah, Nurfalina, Y., & Anggraini, R. (2023). *CORAK Akhbar Makkah Karya Al-Azraqi Sebagai Tulisan Sejarah Awal Historiografi Islam*. Majalah Ilmiah Tabuah: Ta'limat, Budaya, Agama Dan Humaniora, 27(2), 115–122. <https://rjfahuinib.org/index.php/tabuah/article/view/1126>
- Dhita, A. N. (2023). *Museum without Wall: Sejarah Publik Kreatif di Palembang (2017-2022)*. HISTORIA: Jurnal Pendidik Dan Peneliti Sejarah, 6(1), 63-72. <https://doi.org/10.17509/historia.v6i1.58094>
- Mulyanto, H. (2023). *Penggunaan Naskah Kuno dan Arsip dalam Historiografi Indonesia: Suatu Tinjauan Kritis*. Jumentara: Jurnal Manuskrip Nusantara, 14(1), 45-63.
- Warni, W., Suryani, I., Afria, R., & Maghfiroh, A. (2022). Structural and Meaning Analysis of Pantun Melayu in Malay Arabic Script Texts. *In Proceeding International Conference on Malay Identity (Vol. 3, pp. 105-115)*.
- Wardana, A. (2021). Pantun Sebagai Media Pendidikan Karakter Dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia. JISIP (Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan), 5(3). <http://dx.doi.org/10.58258/jisip.v5i3.2178>
- Arofat, M. H., & Indrastuti, N. S. K. (2022). Pantun dan Mantra dalam Upacara Menumbai di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau: Kajian Komposisi, Transmisi, dan Fungsi. *Jurnal Multidisiplin Indonesia*, 1(3), 1020-1033. <https://doi.org/10.58344/jmi.v1i3.97>
- Isnendes, R. (2023). Material artifacts of Sundanese looms with hypogram on the figure of Nyai Pohaci in carita pantun Lutung Kasarung. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 12(3), 752-764. <https://doi.org/10.17509/ijal.v12i3.47942>
- Bartosh, D. K., Kotova, E. O., Kytina, V. V., & Kharlamova, M. V. (2023). Malay folk genre pantun: traditions and modernity. *RUDN Journal of Studies in Literature and Journalism*, 28(1), 61-78. <https://doi.org/10.22363/2312-9220-2023-28-1-61-78>
- Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Muis, A. M. R. A., & Othman, I. W. (2022). Projek Inovasi Sekolah: Elemen Kearifan Tempatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 834-846. <https://doi.org/10.35631/IJEP.747061>
- Kurniawan, Y., & Soeparno, K. (2021). Titen: Kearifan Tempatan Masyarakat Jawa Ketika Menghadapi Bencana Alam. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 88-99.
- Saari, F. A., & SOM, S. M. (2020). Pemeliharaan proses pembuatan seni anyaman tikar mengkuang sebagai warisan kearifan tempatan yang diancam kepupusan. *Jurnal Warisan Tidak Ketara*.
- Tangil, J., & Amat, A. (2020). Kearifan Tempatan dalam sistem Bombon oleh Masyarakat Kadazandusun di Kiulu, Tuaran, sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(2), 77-86. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i2.365>
- Kama, N., Bapoo, L. A. L., & Kama, F (2023). *Kearifan Tempatan Dalam Evolusi Nasi Lemak Di Tanah Melayu*.